



**Faculty of Applied and Creative Arts**

**PENGARUH MUZIK BARAT TERHADAP MINAT DAN  
TINGKAH LAKU BELIA**

**Siti Ain Atiqah Binti Mohamad Rozy  
44044**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)**

**2016**

# PENGARUH MUZIK BARAT TERHADAP MINAT DAN TINGKAH LAKU BELIA

SITI AIN ATIQAH BINTI MOHAMAD ROZY

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade \_\_\_\_\_

Please tick (/)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

24 JUN 2016

This declaration is made on the ..... day of ..... 2016

**Student's Declaration**

I, SITI AIN ATIQAH BT MOHAMAD ROZY,44044, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF hereby declare that the work entitled PENGARUH MUZIK BARAT TERHADAP MINAT DAN TINGKAH LAKU BELIA

..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person

24 JUN 2016

SITI AIN ATIQAH BT MOHAMAD ROZY (44044)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I, ENCIK MAZDAN ALI AMARAN hereby certifies that the work entitle PENGARUH MUZIK BARAT TERHADAP MINAT DAN TINGKAH LAKU BELIA ..... was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

4 JUN 2016

Received for examination by ENCIK MAZDAN ALI AMARAN Date \_\_\_\_\_

**MAZDAN ALI AMARAN  
PENSYARAH DS45  
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (v))

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*

**OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature



Supervisor signature:



Current Address:


LOT 2803 TAMAN DESA FATIN  
TEPI SUNGAI  
17500 TANAH MERAH  
KELANTAN

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk ‘Pengaruh Muzik Barat Terhadap Minat dan Tingkah Laku Belia’ telah disediakan oleh **Siti Ain Atiqah Binti Mohamad Rozy** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(ENCIK MAZDAN ALI AMARAN)

24 JUN 2016

Tarikh:

.....  
MAZDAN ALI AMARAN  
PENSYARAH DS45  
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam penyelidikan danprojek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,



(SITI AIN ATIQAH BINTI MOHAMAD ROZY)

44044

Program Pengurusan Seni

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji-pujian ke hadrat Illahi atas segala kekuatan yang telah diberikan sehingga saya dapat menyiapkan tugas yang sangat mencabar ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia sebagai penasihat projek ini, Encik Mazdan Bin Ali Amaran diatas tunjuk ajar, panduan, bimbingan dan nasihat yang tidak pernah jemu kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa kata-kata semangat dorongan yang diberikan oleh beliau, amat mustahil saya dapat menyiapkan kajian ini dengan baiknya. Terima kasih atas tunjuk ajar.

Penghargaan ini juga khusus buat ayahanda dan bonda tercinta, Mohamad Rozy Abd Rahman dan Che Zamzam Abd Razak yang sentiasa mendoakan anakandamu tanpa rasa jemu. Tanpa restu an doa daripada kalian tidak mungkin dapat anakandamua mencapai kejayaan seperti hari ini.

Seterusnya, buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berkongsi suka duka sepanjang pengajian dan sepanjang menyiapkan projek kajian yang telah diberikan. Tidak ada kata-kata yang boleh diungkapkan untuk membala jasa kalian. Sekian terima kasih.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	<b>Penghargaan</b>	i
	<b>Isi kandungan</b>	ii
	<b>Senarai jadual</b>	vii
	<b>Senarai rajah</b>	viii
	<b>Abstrak</b>	x
	<b>Abstract</b>	xi
	<b>Senarai singkatan</b>	xii
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Perkembangan pengaruh muzik barat di Malaysia	1
1.3	Latar belakang kajian	6
1.4	Definisi	8

1.5	Permasalahan kajian	12
1.6	Persoalan kajian	15
1.7	Objektif kajian	17
1.8	Kepentingan kajian	21
1.9	Limitasi kajian	22
1.10	Kerangka konsep	23
1.11	Skop kajian	25
1.12	Kesimpulan	26
<b>BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN</b>		
2.1	Pendahuluan	27
2.2	Faktor tarikan muzik barat	28
2.3	Pengaruh muzik barat terhadap belia	30
2.4	Penilaian terhadap pengaruh muzik barat	32
2.5	Kesimpulan	35

<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	36
3.2	Kaedah pengumpulan data	37
3.3	Kaedah analisis data	41
3.4	Lokasi kajian	42
3.5	Kaedah pensampelan	43
3.6	Kesimpulan	43
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Latar belakang responden	46
4.3	Ujian kebolehpercayaan	53
4.4	Hasil dapatan kajian	56
4.5	Perbandingan min berdasarkan objektif pertama	64
4.6	Analisis kekerapan dan peratusan faktor	

yang menarik perhatian belia.	65
4.7 Perbandingan min berdasarkan objektif kedua.	71
4.8 Analisis perbandingan silang.	73
4.9 Perbandingan min berdasarkan objektif ketiga	80
4.10 Analisis peratusan dan kekerapan pengaruh muzik terhadap tingkah laku	81
4.11 Kesimpulan.	84

## BAB 5 PERBINCANGAN,CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan	86
5.2 Perbincangan	87
5.3 Cadangan	93
5.4 Rumusan	97

RUJUKAN	99
---------	----

LAMPIRAN	103
----------	-----

#### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perkaitan antara permasalahan, persoalan dan objektif kajian	20
4.2	Jantina responden	44
4.3	Umur responden	47
4.4	Bentuk muzik yang diminati	49
4.5	Cara mendapatkan muzik luar yang diminati	50
4.6	Bangsa responden	52
4.7	Ujian kebolehpercayaan	54
4.8	Kesimpulan hasil dapatan	56
4.9	Min faktor yang menarik perhatian belia terhadap muzik barat.	64
4.10	Minat muzik luar kerana selebriti	65

4.11	Minat kerana bahasa	67
4.12	Menerima muzik barat daripada elektronik	68
4.13	Muzik luar lebih unik	70
4.14	Min pengaruh muzik barat terhadap tingkah laku belia	71
4.15	Selalu mendengar muzik luar	73
4.16	Mendengar muzik luar negara walau dimana berada	75
4.17	Bersemangat belajar dengan bantuan muzik luar negara	77
4.18	Min penilaian terhadap pengaruh muzik barat	80
4.19	Muzik barat menyebabkan muzik tempatan kurang mendapat sambutan	81
4.20	Muzik barat membawa pengaruh buruk kepada golongan belia	8

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka konsep	23
4.2	Jantina responden	46
4.3	Umur responden	47
4.4	Bentuk muzik diminati	49
4.5	Cara mendapatkan muzik luar yang diminati	51
4.6	Bangsa responden	52
4.7	Minat muzik luar kerana selebriti	66
4.8	Minat kerana bahasa	67
4.9	Menerima muzik barat daripada media elektronik	69
4.10	Muzik luar lebih unik	70
4.11	Selalu mendengar muzik luar	75
4.12	Mendengar muzik luar negara walau dimana berada	76

4.13	Bersemangat belajar dengan bantuan muzik barat	78
4.14	Muzik barat menyebabkan muzik tempatan kurang mendapat sambutan daripada masyarakat	81
4.15	Muzik barat membawa pengaruh buruk kepada golongan belia	83

## ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk mengkaji pengaruh muzik barat dan kesan muzik barat terhadap kehidupan belia. Sebanyak 220 set soal selidik telah diedarkan secara rawak di sekitar Kuching dan Kota Samarahan. Kajian ini dilakukan berbentuk deskriptif dimana borang soal selidik yang mengandungi 13 item digunakan sebagai instrumen kajian ini. Menggunakan kaedah kuantitatif dan menganalisis menggunakan perisian *SPSS* versi 20.0 dan juga Excel. Keputusan dianalisis kepada bentuk peratus, kekerapan, analisis perbandingan silang dan juga min. Hasil dapatan menunjukkan belia mudah menerima muzik barat sebagai hiburan melalui teknologi media elektronik. Selain itu, belia bersetuju bahawa mereka lebih gemar mendengar muzik barat berbanding muzik tempatan. Mereka juga turut menjadikan muzik barat sebagai peneman semasa mengulangkaji pelajaran. Melalui hasil kajian juga, mendapati bahawa muzik barat adalah antara faktor yang menyebabkan muzik tempatan kurang mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan. Beberapa cadangan telah dikemukakan sebagai penambahbaikan antaranya, meningkatkan pemantauan oleh pihak kementerian penerangan terhadap bahan media yang disiarkan, menguatkuasakan strategi pembangunan industri muzik dalam pendidikan dan memperketatkan pengawasan pusat industri muzik negara bagi mencegah cetak rompak.

## *ABSTRACT*

*This study has been conducted in order to find the influence of western music and the effect towards youth life. A total of set 220 sets of questionnaires were distributed randomly around Kuching and Kota Samarahan. A descriptive form of study was done where a questionnaire consists of 13 item was use as the study instrument. The collected data was analysed using the SPSS version 20.0 and also microsoft excel. The results were then analysed to percentage, frequency, crosstabs analysis and mean. The result from the study showed that the was easily accepting the western music as an entertainment through electronic media technology. Apart from that, they agreed that they like to listen music from the west country more compared to the local music all a the time and anywhere. They also use music from the west country as a companian when may want to studies. Through the survey result, the finding showed that the western music is among the factors which caused the local music becoming less adored from the local community. A few recommendation were raised as to improve the study for future use, such as, to improve monitoring by ministry of information media material broadcasted, enforce music industry development strategy in education for next generation and tighten further central monitoring industry of national music to prevent piracy.*

## SENARAI SINGKATAN

CD	-	<i>Compact disc</i>
DVD	-	<i>Digital Versatile Disc</i>
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
R&B	-	<i>Rhythm and Blues</i>
SW	-	<i>Shortwave</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TV	-	Televisyen
UiTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, perkaitan antara tiga (3) kajian utama dalam kajian iaitu objektif kajian, permasalahan kajian dan persoalan kajian, seterusnya tentang kepentingan kajian yang dijalankan dan juga kerangka konsep kajian sebagai panduan.

#### 1.2 PERKEMBANGAN PENGARUH MUZIK BARAT DI MALAYSIA

Penduduk bandar lebih bersifat terbuka dan mudah menerima pengaruh dan elemen daripada luar negara. Menurut Abdul Latif Poli (2009) Muzik *R&B* sangat popular sekitar tahun 80-90 an terutamanya bagi remaja di bandar-bandar. Oleh hal yang demikian, muzik seperti *rhythm and blues*(R&B) berbeza penerimaannya di kampung mungkin tidak ada meminati bentuk muzik ini, kerana ia lebih dikaitkan dengan persekitaran bandar yang memiliki penduduknya yang ramai dan suka mendengar muzik dari luar negara atau kebaratan.

Muzik R&B mula berkembang dibandar-bandar besar Amerika pada tahun 1950an dan tahun 60an. Kemudiannya muzik tersebut menjadi asas

kepada muzik pop dan semakin berkembang keseluruh dunia melalui pelbagai bentuk antaranya penjualan rekod, kaset & CD penyanyi pop dari negara tersebut. Oleh hal demikian, muzik-muzik Amerika yang terjual di negara kita juga telah menjadi ikutan kepada remaja dan masyarakat tempatan.

Begitu juga genre muzik lain seperti Rock, Hip Hop dan sebagainya yang berasal dari barat. Pelbagai muzik yang datang dan tersebar ke negara kita juga melalui penjualan bahan media seperti majalah, rekod, kaset & CD pada mulanya dan kemudiannya dengan perkembangan dunia IT ianya lebih mudah tersebat melalui internet pada hari ini. Tidak dapat disangkal, sekiranya tidak ada yang meminati muzik tersebut sudah tentu genre muzik dari barat tidak akan terdapat dinegara kita.

Sejak dari tahun 1900 hingga 1940an pada mulanya tercipta phonograph dan radio, muzik barat dibawa masuk melalui pelbagai tayangan filem di panggung wayang dan juga rekod piring hitam. Penduduk bandar yang terdiri dari bangsa China, India, Serani, Melayu & lain-lain kaum yang berpendidikan barat ada yang memiliki pemain piring hitam dan mendengar rakaman muzik dari barat seperti *jazz*, *classical*& muzik latin untuk hiburan.. Radio transistor SW (*shortwave*) juga menjadi media penyampai yang membolehkan orang ramai mendengar kandungan berita & muzik siaran radio bukan sahaja dari Radio Malaya pada masa itu tetapi juga boleh mendapat

siaran dari jauh sehingga ke Amerika. Muzik-muzik barat yang berkumandang di corong pemain *vinyl* dan radio perlahan-lahan meresap masuk menjadi ilham dan inspirasi kepada pemuzik tempatan dalam rakaman lagu-lagu tempatan.

Kemudiannya, pada tahun 50an demam *Rock n Roll* pula mula melanda dunia dan begitu juga rantau Asia tenggara turut tidak ketinggalan menerima *Rock n Roll*. Tidak kira daripada golongan anak-anak muda dari pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India atau suku kaum lain ramai yang meminati muzik genre baru ini. Hal demikian dapat kita kenalpasti bahawa pengaruh muzik barat terhadap muzik tempatan juga boleh didengar dalam lagu Allahyarham Tan Sri P.Ramlee yang berjudul ‘Bunyi Gitar’. Dimana muzik tersebut sangat diminati oleh peminatnya sehingga ke hari ini.

Pada tahun 60an pula, Menurut kajian Abdul Latif Poli (2009) muzik *The Beatles* dan *The Shadows* pula telah mengambil alih irama Rock n Roll. Dan pada ketika itu anak-anak muda dibandar mula menubuhkan kumpulan-kumpulan muzik gitar rancak yang meniru rentak lagu dan imej pemuzik dari barat itu. Menurut Ibrahim Ahmad (2004), dapat dilihat bahawa bentuk muzik Malaysia pada era 60an adalah serupa dengan bentuk muzik induk negara barat. Anak-anak muda berbangsa Cina paling banyak mengikuti perkembangan muzik *The Beatles* sebelum anak-anak Melayu. Pada akhir

tahun-tahun 1960an pemuzik di barat sudah beralih kepada muzik lebih keras berbanding remaja Malaysia yang masih meminati muzik ala *Beatles*. Gabungan irama Melayu disamping muzik rancak barat itu maka timbul pula irama pop yeh-yeh di Malaysia & Singapura.

Muzik pop adalah muzik yang paling banyak peminat di seluruh dunia tetapi terdapat banyak juga peminat muzik *hard rock* di Malaysia pada tahun 1970an. Rentak *Disco & Funk* ialah muzik yang sesuai kepada kehidupan penduduk bandar. Menurut kajian Ibrahim Ahmad (2004), genre muzik *a-go-go* mula tersebar sehingga menyebabkan anak muda tempatan mula terpengaruh dengan gaya pemakaian dan juga alat-alat yang digunakan untuk menghias diri. Dan kemudiannya pop melayu sudah mula bertukar genre mengikut tren muzik dari barat. Muzik *rock* baru yang melanda Amerika dan Eropah juga mendapat ramai peminat baru di Malaysia. Tumbuh kumpulan pemuzik rock tempatan yang menjadikan *rock* barat sebagai panduan dan inspirasi muzik mereka.

Oleh kerana cita rasa orang Malaysia lebih kepada lagu berentak perlahan maka lagu-lagu “*slow rock*” dari pemuzik rock ini adalah penyelamat kepada industri rakaman muzik rock pada akhir 80an dan awal 90an sebelum peminat muda baru beralih kepada muzik alternatif barat. Akhir 90an oleh kerana bosan mendengar lagu-lagu slow rock melayu yang

berirama melayu, maka generasi baru telah ditawan oleh muzik *pop* dan *rock* dari Indonesia yang lebih kreatif dimana unsur-unsur barat sangat ketara dalam muzik mereka. Bahasa Indonesia yang mirip bahasa Melayu memudahkan ia diterima oleh citarasa orang Malaysia.

Menurut Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (2006), pada era 1960an dan 1970an, muzik ska dan *Rock n Roll* dimainkan di kelab-kelab malam,. Setelah itu telah berubah menjadi muzik Disko pada era 1980an dan kemudian muzik tencho juga telah berubah menjadi muzik *R&B* dan *Hip Hop*. Umumnya kita semua tahu tanpa muzik dari barat kita mungkin tidak akan dapat menikmati muzik moden dalam bahasa tempatan. Tidak mungkin ada penyanyi *R&B* seperti Anuar Zain, Ruffedge atau *R&B* penyanyi Indonesia kalau tidak ada rakaman muzik pemuzik *R&B* Amerika. Begitu juga mungkin *genre punk, ska, rock* dan lain-lain.

Muzik asli negara kita ialah muzik tradisi turun temurun yang diwarisi dari moyang seperti muzik melayu asli, ghazal, joget, sumazau, dan bermacam lagi muzik dan tarian yang dihasilkan oleh hasil kreativiti seni etnik di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara. Bagaimana pun ada satu ketika pada masa dulu muzik asli kita pernah dipengaruhi oleh budaya dari India, Arab, China & juga Eropah sepanjang zaman pelayaran pelayar dan pedagang yang datang ke Asia tenggara mencari rempah juga hasil bumi.

### 1.3 LATAR BELAKANG KAJIAN

Muzik dan manusia dalam kehidupan tidak dapat dipisahkan. Muzik merupakan satu melodi hasil daripada gabungan irama yang dicipta dengan menggunakan peralatan muzik yang berlainan. Muzik mudah difahami oleh setiap manusia dan boleh dijadikan sebagai pencetus pemikiran dan minda manusia. Muzik juga dikatakan satu kesenian yang berhubung rapat dengan budaya dan adat sesuatau bangsa. Sebagai contoh, muzik digunakan dalam sesebuah upacara bagi sesebuah kaum dan dijadikan adat yang mesti dijalankan setiap tahun.

Muzik sememangnya telah diterapkan dalam kehidupan manusia sejak dari kecil lagi seperti mendodoikan bayi, alunan bacaan Al-Quran, alunan syair dan sebagainya yang berlau secara tidak formalsekali gus menjadikan muzik sebahagian daripada gaya hidup yang normal masa kini.

Menurut Ibrahim Ahmad (2004), muzik barat itu sudah berpengaruh dan bertapak di negara kita dengan kukuh apabila orang-orang Inggeris mula memerintah di Tanah Melayu. Hal ini, menunjukkan pengaruh muzik dari negara barat sememangnya sudah lama mendekati masyarakat di negara kita dari situ dapat kita lihat pelbagai genre dan irama muzik juga telah terbentuk kesan daripada pengaruh muzik yang dibawa masuk ke negara ini. Menurut Ibrahim Ahmad (2004) lagi kedatangan orang-orang India ke